

**STORM-PETRAL SWINHOE**  
Swinhoe's Storm Petrel

FAMILLI: Procellariidae

NAMA SAINTIFIK: *Oceanodroma monorhis*

**CIRI-CIRI**

Cara terbang bagi spesies ini adalah seakan-akan terapung dan tidak menentu dan biasanya terbang di permukaan air sebelum menyambar makanan. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai keseluruhan bulu yang berwarna hitam dan hampir sama dengan Wilson's Storm-petrel *Oceanites oceanicus*. Pada bahagian atas sayap, terdapat jalur yang berwarna pudar manakala ekornya bercabang. Pada bahagian bulu primer di atas sayap, terdapat jalur yang berwarna hitam manakala keseluruhan bahagian bawah sayapnya berwarna hitam. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 20 sm.

**MAKANAN**

Diet bagi spesies ini biasanya terdiri daripada haiwan marin kecil di permukaan air.

**HABITAT**

Kebiasaanya, spesies ini ditemui di laut terbuka dan kadang-kala boleh juga ditemui di persiran pantai.

**BUNYI**

Kadangkala, spesies ini mengeluarkan bunyi yang lembut, pendek, nyaring atau bising semasa mencari makanan.